

**PENERIMAAN MASYARAKAT KUALA TERENGGANU
TERHADAP AR-RAHNU KETIKA KRISIS KEWANGAN PASCA
PANDEMIK COVID-19: SATU KERANGKA KONSEPTUAL**

***ACCEPTANCE OF COMMUNITY KUALA IN TERENGGANU
TOWARDS AR-RAHNU DURING POST-COVID-19 FINANCIAL
CRISIS: A CONCEPTUAL FRAMEWORK OF THE STUDY***

Salimah Yahaya*

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu

Surita Hartini Mat Hassan

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pahang

Sakinatul Raadiyah Abdullah

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah

Che Khadijah Hamid

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu

Nor Adila Mohd Noor

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu

**Corresponding Author's Email: salimahyahya@uitm.edu.my*

Article History:

Received : 16 February 2024

Accepted : 3 April 2024

Published : 25 Jun 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Yahaya, S., Hassan, S.H.M, Abdullah, S.R., Hamid, C.K. & Mohd Noor, N.A. (2024). Penerimaan Masyarakat Kuala Terengganu Terhadap Ar-Rahnu Ketika Krisis Kewangan Pasca Pandemi Covid-19: Satu Kerangka Konseptual. *Jurnal 'Ulwan*, 9(1), 134-143

ABSTRAK

Segelintir masyarakat menerima kesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan. Sebahagiannya kehilangan sumber pendapatan dan

pekerjaan. Sepanjang pelaksanaan PKP berlangsung, boleh dilihat senario masyarakat kita ketika berdepan dengan krisis kewangan ini apabila segelintir masyarakat berpusing-pusing beratur di hadapan premis pajak gadai untuk mendapatkan pinjaman. Senario ini seolah-olah memberi gambaran bahawa pajak gadai telah menjadi satu solusi krisis kewangan sementara yang baik buat mereka. Hal ini kerana pajak gadai mampu memberikan pinjaman tunai berjangka pendek dengan kadar segera. Terdapat dua jenis pajak gadai yang beroperasi di Terengganu iaitu pajak gadai konvensional (tidak patuh syariah) dan pajak gadai Islam atau Ar-Rahnu (patuh syariah). Persoalannya, bagaimana penerimaan masyarakat di Daerah Kuala Terengganu terhadap Ar-Rahnu? Maka, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan masyarakat di Kuala Terengganu terhadap Ar-Rahnu. Kajian ini masih di peringkat awalan, maka bagi menjawab persoalan ini, kajian kualitatif dilakukan dengan melakukan sorotan terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan. Selepas itu, satu kerangka konseptual kajian dibentuk daripada penemuan-penemuan yang diperoleh dari sorotan terhadap kajian dan karya lepas. Kajian ini melibatkan kaedah pengumpulan data secara dokumentasi dan kajian kepustakaan. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Penemuan kajian ini mendapati bahawa masyarakat di Kuala Terengganu lebih cenderung untuk memilih Ar-Rahnu sebagai suatu solusi kewangan sementara yang menguntungkan kerana kaedah pembiayaan yang lebih mudah dan telus. Kerangka konseptual yang dibentuk ini dapat menjadi penanda aras untuk kajian selanjutnya pada masa akan datang.

Kata kunci: Ar-Rahnu, Terengganu, Penerimaan, Covid-19

ABSTRACT

A few communities are affected by the Movement Control Order (MCO) implemented by the government. Some lost their sources of income and jobs. Throughout the implementation of the MCO, the scenario of our society is explicit when encountering the financial crisis as some of them queued up in front of the pawnshop premises to get loans. This scenario seems to give the impression that pawning has become a good solution to their temporary financial crisis. This is because pawnbrokers are able to provide short-term cash loans immediately. There are two types of pawnshops operating in Terengganu, namely conventional pawnshops (non-Sharia compliant) and Islamic or Ar-Rahnu pawnshops (Sharia compliant). The question is, how does the community in Kuala Terengganu district accept Ar-Rahnu? Thus, this study was conducted to identify and analyze the factors that influence the acceptance of the community in Kuala Terengganu towards Ar-Rahnu. This study was in the preliminary stages; to answer the question raised, a qualitative study was conducted by reviewing relevant previous studies. Subsequently, a conceptual framework was formed based on the review. Data of this study were collected from documentation and literature review, and were subjected to content analysis method. The findings of this study revealed that the community in Kuala Terengganu are more likely to choose Ar-Rahnu as a profitable temporary financial solution as this financing approach is simpler and more transparent

compared to conventional approach. The conceptual framework developed could be regarded as a benchmark for future studies.

Keywords: *Ar-Rahnu, Terengganu, Acceptance, Covid-19*

1.0 PENDAHULUAN

Wabak Covid19 dinyatakan sebagai pandemik yang merubah corak hidup masyarakat pada tahun 2020. Penularan wabak ini juga tidak terkecuali telah memberi impak yang besar kepada sistem ekonomi di seluruh dunia. Langkah 'Perintah Kawalan Pergerakan' (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia ketika penularan Covid-19 telah memberi kesan terhadap ekonomi masyarakat. Menurut statistik dari Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2020, kebanyakan yang paling terjejas adalah mereka yang bekerja sendiri. Kira-kira 46.6% telah kehilangan pekerjaan, manakala 50% mengalami pemotongan gaji dan 19% kehilangan lebih daripada 90% daripada pendapatan mereka (Noor, Rahim & Safiee, 2020).

Ketika masyarakat berdepan dengan krisis kewangan, kebanyakan mereka memikirkan bahawa pajak gadai mampu menjadi penyelesaian segera. Hal ini kerana pajak gadai bersedia menyediakan tunai dengan segera untuk memenuhi keperluan mendesak mereka ketika itu. Menerusi situasi semasa, apabila berhadapan dengan kesulitan kewangan ini, boleh dilihat senario masyarakat kita yang beratur di hadapan premis pajak gadai untuk mendapatkan tunai dengan segera. Situasi semasa ini menggambarkan bahawa pajak gadai begitu dekat di hati masyarakat yang telah berkhidmat dalam masyarakat sejak sekian lama. Namun persoalannya, dalam situasi yang mendesak ini, pajak gadai manakah yang menjadi pilihan kepada masyarakat? Bagaimanakah penerimaan masyarakat setempat terhadap pajak gadai Islam?

2.0 KAEDAH PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kajian literatur dengan pendekatan kualitatif. Pendekatan ini merangkumi kaedah pengumpulan data secara dokumentasi iaitu kajian perpustakaan bagi mendapat maklumat mengenai penerimaan masyarakat Kuala Terengganu terhadap Ar-Rahnu. Kaedah pengumpulan data ini juga menggunakan data sekunder iaitu bahan atau maklumat yang diambil dari terbitan yang telah dikumpul dari penyelidik yang lepas seperti artikel, jurnal, tesis, laman sesawang dan sebagainya yang berkaitan. Maklumat yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan.

Pemilihan lokasi kajian ini juga berdasarkan beberapa sebab tertentu. Pertama, pemilihan ini dilakukan kerana Negeri Terengganu merupakan antara negeri terawal yang diperkenalkan Ar-Rahnu iaitu pada tahun 1993. Institusi Ar-Rahnu pertama yang ditubuhkan di Terengganu ialah Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT) yang kini di bawah kelolaan MAIDAM (Mohamad & Salleh, 2008). Oleh itu, setelah 30 tahun beroperasi di Terengganu, adakah masyarakatnya begitu terdedah dengan perkhidmatan Ar-Rahnu?

Ketiga, majoriti penduduk Terengganu iaitu terdiri daripada masyarakat Melayu beragama Islam. Terengganu juga merupakan salah sebuah negeri yang memiliki peratus Melayu Muslim tertinggi di Malaysia berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Penduduk di Terengganu juga dikatakan memiliki komitmen yang tinggi terhadap nilai keagamaan. Oleh demikian, selari dengan fakta ini maka terdapat kebarangkalian yang tinggi untuk masyarakat di Terengganu yang majoritinya beragama Islam untuk terdedah dengan urusan Ar-Rahnu yang mengamalkan prinsip-prinsip syariah dalam operasinya. Hal ini kerana, sebagai umat Islam, sewajarnya Ar-Rahnu pasti menjadi pilihan utama umat Islam di Terengganu berbanding pajak gadai konvensional yang kebanyakannya dimiliki oleh pengusaha bukan Islam. Kajian ini terhad kepada penduduk di sekitar Kuala Terengganu sahaja iaitu sebuah pusat bandar yang menjadi tumpuan ramai dan mempunyai beberapa Ar-Rahnu yang beroperasi.

3.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan dan perbincangan dalam bahagian ini adalah berkaitan dengan sorotan terhadap kajian-kajian lepas berkaitan dengan penerimaan masyarakat terhadap Ar-Rahnu. Sorotan literatur akan dibahagikan kepada empat tema iaitu pemerkasaan pembiayaan Ar-Rahnu dan cabarannya bagi menghadapi krisis kewangan pasca pandemik Covid-19. Juga kajian berkaitan penerimaan masyarakat terhadap Ar-Rahnu dan Kajian Ar-Rahnu di Terengganu.

3.1 Pemerkasaan Ar-Rahnu ketika Covid-19

Menurut Mohammad et.al (2022), pengurusan kewangan yang betul mengikut sistem kewangan Islam mampu menjamin kelangsungan hidup seseorang bagi menghadapi pandemik Covid-19. Antara pengurusan kewangan yang perlu diterapkan antara masyarakat Islam adalah kesedaran pengurusan kewangan yang betul, pemerkasaan zakat dan wakaf, serta penggunaan medium pajak gadai Islam (Ar-Rahnu).

Berikutan berlakunya pandemik Covid-19, Ar-Rahnu dikatakan mempunyai prospek yang cukup besar pada ketika ini. Hal ini disebabkan, kegawatan ekonomi ketika pandemik dan juga kemelut kewangan disebabkan terpaksa menghadapi perintah kawalan pergerakan (PKP). Ramai dalam kalangan rakyat Malaysia mencairkan aset dan barangan berharga bagi meneruskan kelangsungan hidup. Persatuan Tuan Punya Pajak Gadai Malaysia (MPBA) mencatatkan ramai dalam kalangan rakyat Malaysia melakukan cagaran di pajak gadai (Noor, Rahim, & Safiee, 2020). Perkhidmatan Ar-Rahnu juga dilihat salah satu cara bagi menampung perbelanjaan luar jangka (Azim et.al, 2018).

Ar-Rahnu mengambil peluang ini untuk meluaskan jaringan prospek dan membantu seramai mungkin yang terkesan akibat pandemik ini. Selain daripada menawarkan produk yang berorientasikan keperluan dan kebajikan pelanggan iaitu menyediakan kadar upah yang rendah dengan kaedah tawarruq, Ar-Rahnu turut menyediakan beberapa pendekatan baru bagi pelanggan menempuhi kesukaraan waktu pandemik. Antara pendekatan yang telah diambil oleh Ar-Rahnu adalah menawarkan lanjutan tempoh gadai janji serta menyediakan notis awal terhadap

lelongan emas bagi membolehkan pelanggan membeli emas ketika pandemik. Ar-Rahnu YaPEIM turut membenarkan pengecualian bayaran simpanan dan penangguhan penebusan barang gadaian kepada 21,000 pemegang akaun gadaian Ar-Rahnu YaPEIM di seluruh negara sepanjang PKP melalui pelaksanaan Pakej Musaadah Covid-19 bagi pelanggan yang mencapai tempoh gadaian 10 bulan ke atas dalam tempoh PKP serta menyediakan tempoh moratorium membolehkan pengecualian caj upah simpan dan pelanjutan tempoh penebusan gadaian dilakukan (Bakar, 2020).

Selain memperkasakan produk asas, produk baru juga diperkenalkan bagi menarik minat pelanggan ketika tempoh PKP berlangsung (Daud, Yusoff & Bahari, 2021). Menurut mereka, antara produk baharu adalah Ar-Rahnu Prestij, Didik, Bisnes, Emas dan *Care* diperkenalkan. Setiap produk yang ditawarkan adalah berbeza dari sudut margin pinjaman, upah simpan, tempoh dan had pinjaman serta syarat gadaian bagi memenuhi kehendak pelanggan yang berbeza. Namun begitu, Ar-Rahnu juga tidak terlepas menghadapi pelbagai isu dan cabaran semasa yang akan dibincangkan selepas ini.

3.2 Isu dan Cabaran Ar-Rahnu mendepani Covid-19

Selain tu, Ar-Rahnu juga tidak terlepas menghadapi isu-isu berkaitan penerimaan masyarakat antaranya isu berkaitan kesedaran dan kefahaman yang masih rendah berbanding pajak gadai konvensional (Sam, Tahir & Latif, 2010). Agak sukar untuk menukar pemikiran masyarakat daripada menggunakan pajak gadai konvensional yang kebanyakannya dimiliki oleh kaum Cina, yang secara terang-terangan tidak patuh syariah untuk berubah kepada Ar-Rahnu. Hal ini demikian kerana, sesetengah masyarakat sudah terbiasa menggunakan perkhidmatan pajak gadai konvensional yang telah wujud di Malaysia sejak 100 tahun dahulu (Abdullah, 1999).

Seterusnya isu-isu halal dan haram dalam Ar-Rahnu seperti isu riba dan isu syariah Ar-Rahnu merupakan isu yang boleh menyebabkan salah faham masyarakat terhadap Ar-Rahnu (Azman, Kassim & Adeyemi, 2016). Antara salah faham tersebut ialah anggapan sesetengah individu bahawa upah simpan yang dikenakan Ar-Rahnu adalah riba dan sama seperti konsep pajak gadai konvensional (Azman, 2010). Isu-isu yang timbul ini telah menyekat kemajuan Ar-Rahnu dalam mencapai objektif utamanya iaitu membantu masyarakat yang memerlukan. Bagi menilai kajian-kajian lepas tentang penerimaan, maka selepas ini sorotan dilakukan ke atas kajian-kajian berkaitan penerimaan masyarakat terhadap Ar-Rahnu.

3.3 Penerimaan Masyarakat Terhadap Ar-Rahnu

Menerusi kajian tentang Ar-Rahnu pula, Amin (2011) mengatakan, maklumat mengenai Ar-Rahnu memainkan peranan penting dalam menggalakkan penggunaan Ar-Rahnu di Malaysia Timur terutama faktor pengaruh iklan dan faktor maklumat dari mulut ke mulut. Namun, Sam, Tahir dan Latif (2010) mengatakan, 72.46 peratus responden bersetuju bahawa Ar-Rahnu menjadi lebih berkesan sekiranya pengguna boleh melakukan transaksi gadaian melalui SMS dan laman sesawang. Kajian oleh Hasan dan Othman (2021) pula bersetuju bahawa kurangnya aktiviti

promosi dalam meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat telah dikenal pasti antara isu dan cabaran yang menyebabkan Ar-Rahnu kurang diterima.

Kajian oleh Appannan dan Doris (2011), Amin (2011), mendapati kos upah simpan yang murah menjadi penyebab utama pengguna memilih Ar-Rahnu. Begitu juga dengan Salamon dan Aziz (2010) mengatakan bahawa caj upah simpan yang murah menjadi faktor utama yang mendorong penyertaan masyarakat bukan Islam. Keadaan ini menunjukkan bahawa caj upah simpan yang rendah bukan sahaja menjadi pilihan utama masyarakat Islam, tetapi juga masyarakat bukan Islam. Kajian oleh Osman et.al (2020) berpendapat bahawa faktor caj upah simpan merupakan faktor yang mempengaruhi penerimaan staf akademik di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM).

Selain faktor kos upah simpan, faktor lokasi juga dikatakan sebagai faktor yang mempengaruhi masyarakat untuk menerima Ar-Rahnu. Perkara ini telah dinyatakan dalam beberapa kajian, misalnya Appannan dan Doris (2011), Yahaya (2010) serta Marimuthu et.al (2009). Lokasi cawangan atau kaunter Ar-Rahnu dikatakan masih mempunyai kelemahan kerana kurang strategik. Kajian Salamon dan Aziz (2010) misalnya mengatakan kelemahan lokasi Ar-Rahnu berpunca daripada kaunter Ar-Rahnu yang hanya beroperasi di bandar, sedangkan kebanyakan pengguna Ar-Rahnu tinggal di kawasan luar bandar. Keadaan ini menjadi penghalang kepada masyarakat untuk memilih Ar-Rahnu.

Kepentingan faktor lokasi terhadap penerimaan Ar-Rahnu juga dibincangkan dalam kajian oleh Nor et.al (2012). Bagi mereka, lokasi Ar-Rahnu wajar dibuka di kawasan yang mudah diakses oleh pengguna dan tidak terletak di pedalaman. Namun, Amin et.al (2007) menyangkal kenyataan ini dengan mengatakan bahawa faktor lokasi tidak mempengaruhi penerimaan pengguna terhadap Ar-Rahnu. Realiti ini juga dipersetujui oleh Hamid et.al (2014) apabila mengatakan faktor lokasi menunjukkan skor min yang paling rendah terhadap penerimaan Ar-Rahnu.

Justeru, bagaimana pula kajian Ar-Rahnu yang pernah difokuskan kepada Negeri Terengganu? Maka, penelitian sorotan literatur selepas ini akan difokuskan kepada kajian-kajian Ar-Rahnu yang dilakukan di Terengganu.

3.4 Kajian Ar-Rahnu di Terengganu

Kajian yang memfokuskan Ar-Rahnu di Kuala Terengganu pernah dilakukan oleh (Aziz et.al (2015) dan Bakar et.al (2018). Kedua-dua kajian ini mengkaji berkaitan pengaruh perkhidmatan pelanggan dan caj upah simpan terhadap penerimaan pelanggan. Mereka mendapati, caj perkhidmatan dan perkhidmatan pelanggan mempunyai hubungan yang signifikan dengan penerimaan pelanggan. Bagi mereka, semakin ramai masyarakat di Kuala Terengganu yang terpelajar dan mengetahui sistem Islam yang dilaksanakan oleh Ar-Rahnu.

Di Terengganu, Ar-Rahnu di bawah kelolaan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (MAIDAM) begitu sinonim dengan penduduk Terengganu setelah kewujudannya sejak tahun 1992. Mengikut Othman, Hashim dan Abdullah (2013), kewujudan MAIDAM telah membawa banyak perubahan kepada sosio-ekonomi masyarakat di Negeri Terengganu. Sementara Ar-Rahnu MAIDAM adalah antara cawangan Ar-Rahnu yang masih mengekalkan keutamaan kepada kebajikan


masyarakat dengan menyediakan pembiayaan tanpa sebarang upah simpan bagi nilai barang gadaian di bawah RM2000 (Yahaya et.al, 2022).

Berlainan pula dengan kajian oleh Rahman dan Kassim (2017) yang mengkaji tentang faktor-faktor mempengaruhi penerimaan masyarakat di Terengganu terhadap Ar-Rahnu milik swasta dan Ar-Rahnu milik kerajaan negeri. Perbandingan telah dilakukan ke atas kedua-dua Ar-Rahnu tersebut dan kajian tersebut mendapati kedua-dua institusi tersebut memiliki ciri dan amalan yang berbeza serta garis panduan yang tersendiri dalam menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan.

Setakat yang ditemui, kajian Ar-Rahnu yang melaksanakan kes kajian mereka di Terengganu masih terhad. Kajian ini wajar dilaksanakan di pusat bandarnya iaitu Kuala Terengganu yang menjadi pusat tumpuan pelbagai masyarakat. Pemilihannya, pertama kerana Terengganu merupakan antara negeri terawal yang diperkenalkan Ar-Rahnu iaitu pada tahun 1993. Institusi pertama yang ditubuhkan di Terengganu ialah Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT) yang kini di bawah kelolaan MAIDAM (Mohamad & Salleh, 2008).

4.0 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Hasil dari analisis sorotan literatur ini telah menghasilkan satu kerangka konseptual kajian. Kerangka konseptual kajian ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan kerangka konseptual dalam Rajah 1, terdapat 5 faktor yang akan dikaji pada masa akan datang iaitu faktor pengetahuan, faktor syariah, faktor promosi, faktor upah simpan dan faktor lokasi. Faktor pengetahuan merupakan pembolehubah bersandar, manakala faktor syariah, faktor promosi, faktor upah simpan dan faktor lokasi pula merupakan pembolehubah bebas. Pemilihan faktor-

faktor ini adalah berdasarkan kepada perbincangan dalam kajian-kajian lepas. Demikian itu, pada masa akan datang, kerangka konseptual ini menjadi suatu penanda aras bagi pengkaji menyediakan soalan soal selidik untuk turun ke lapangan di kemudian nanti.

5.0 KESIMPULAN

Setelah diteliti, terdapat pelbagai faktor yang dikaji oleh pengkaji lepas dan menjadi pembolehubah-pembolehubah penting dalam kajian masing-masing. Selain menggunakan pelbagai pembolehubah, kajian-kajian tersebut juga dikaji di lokasi kajian yang berbeza dengan dapatan dan dilihat dari perspektif yang berbeza. Demikian itu, Ar-Rahnu boleh menjadi alternatif terbaik untuk menyelesaikan masalah kewangan masyarakat ketika dalam keadaan terdesak dan memerlukan. Situasi ini boleh dilihat ketika pelaksanaan tempoh PKP ketika Covid-19 dan semenjak itulah prospek Ar-Rahnu ini semakin giat diperkembangkan, sehingga suatu solusi perlu dicadangkan kepada institusi-institusi Ar-Rahnu agar kebaikan Ar-Rahnu ini dapat disebarluaskan lagi. Hal ini agar pada masa hadapan, masyarakat tidak akan memilih pinjaman kewangan yang merugikan serta membahayakan nyawa seperti ceti haram atau 'along'.

Penghargaan

Sekalung penghargaan kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) di atas pembiayaan projek penyelidikan ini iaitu di bawah Geran Penyelidikan MyRA lepasan PhD dengan no. Fail RMC: 600-RMC/GPM LPHD 5/3 (155/2021).

Sumbangan Penulis

Yahaya, S., Penulisan, Metodologi, Perisian dan Penyusunan Data terhadap penerimaan masyarakat Kuala Terengganu terhadap ar-rahnu. Hassan, S.H.M, Abdullah, S.R., Hamid, C.K. & Mohd Noor, N.A., Pengesahan, Penyeliaan dan Semakan terhadap data yang disusun mengenai Ar-Rahnu.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Abdullah, W. A. R. K. W. (1999). Historical Development of Pawning Practise in Malaysia: From Pajak Gadai to Al-Rahn. *Jurnal Pembangunan Sosial*.
- Amin, H. (2011). Modelling Ar-Rahnu Use in Eastern Malaysia: Perspectives of Muslimah. *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*, 7(3), 1-14.

- Amin, H., Chong, R., Dahlan, H., & Supinah, R. (2007). An Ar-Rahnu Shop Acceptance Model (ARSAM). *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, (1), 82-94.
- Appannan, S., & Doris. G., (2011). A Study on Islamic Pawn Broking Awareness and Factors Influencing the Sceme in Sungai Petani, Kedah Kertas kerja dibentangkan di *2nd International Conference on Business and Economic Research (2nd ICBER 2011)*.
- Azim, Z. A. Z., Ghazali, A. S. M., Mohamed, J., Kassim, A. A. M., & Hussain, H. I. (2018). Assessing the Key Success if Ar Rahnu Usage in Malaysia. *International Journal of Engineering & Technology*, 7(4).
- Aziz, N. A., Mahmud, S. H., Ahmad, N. S., Muhammad, A., Asmawati @ Fatin Najihah Alias A @ F. N., & Rubiah Abu Bakar. (2015). A Study of the Attractiveness on Islamic Pawnbroking at Ar Rahnu MAIDAM Kuala Terengganu. Kertas kerja dibentangkan di *1st International Islamic Heritage Conference (ISHEC 2015)*.
- Azman, N. H. N. (2010). Acceptance of Ar-Rahnu in Kelantan: Evidence from Pasar Besar Khadijah. Kertas kerja dibentangkan di *The 5th ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW)*, University Conference Hall, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Azman, N. H. N., Kassim, S., & Adeyemi, A. A. (2016). Role of Ar-Rahnu As Micro-Credit Instrumen in Achieving Financial Self-Sufficiency among Women Micro-Entrepreneurs. *Intelectual Discourse: Islamic International University Malaysia (IIUM) Journal*, 24(1), 365-385.
- Bakar, B. (2020). Ar-Rahnu YaPEIM tawar produk baharu, bantu pelanggan pasca Covid-19. Diakses dari <https://www.wilayahku.com.my/ar-rahnu-yapeim-tawar-produk-baharu-bantu-pelanggan-pasca-covid-19/#.ZCz4InZBy00> pada 4 Jun 2020.
- Bakar, R. A., Aziz, N. A., Mohd, N. Z., & Muhammad, A. (2018). The Antecedents of Islamic Pawn Broking (Ar-Rahnu) in Kuala Terengganu. *Journal Education and Social Sciences (JESOC)*, 9(1), 81-89.
- Daud. W. N. W. (2011). *Kepuasan Pelanggan dan Kualiti Perkhidmatan Skim Ar-Rahnu Bank Rakyat*. Kertas Projek Sarjana Sains (Pengurusan), Universiti Utara Malaysia.
- Daud, W. N. W., Yusoff, M., & Bahari, Z. (2021). Prospek Produk Baharu Ar-Rahnu Yapeim Sebagai Alternatif Mikro Kredit. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*,6(39), 86-94.
- Hamid, M. A., Rahman, I. A., & Halim, A. N. A. (2014). Factor Affecting The Accpetance on Ar Rahnu (Islamic Based Pawn Broking): A Case Study of Islamic Banking in Malaysia. *The Macrotheme Review: A Multidisciplinary Journal of Global Macro Trends*, 3(4), 22-35.
- Hasan, R. M., & Othman. N. (2021). Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) Di Malaysia: Isu Dan Cabaran Pelaksanaannya Di Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di *International Conference on Syariah & Law2021(ICONSYAL 2021)*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Marimuthu, M., Lam, H. Y., Chee, C. Y., Razali, H., & Kolandaisamy, I. (2009). Islamic Pawning (Ar Rahnu) and Factor Affecting Customer's Switching Behavior: An Exploratory Study. Kertas kerja dibentangkan di *The 3rd*

- ISDEV International Islamic Development Management Conference (IDMAC2009): Islamic Capital Market, University Conference Hall, Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia.
- Mohamad, S. & Salleh, S. (2008). Upah Simpan Barang dalam Skim Ar-Rahnu: Satu Penilaian Semula. *Jurnal Fiqh*, 5, 47-65.
- Mohammad, C. A., Mustapha, A. S., Ismail, F. H., Kirin, A., & Masruri, M. (2022). Pengurusan Kewangan Islam: Ke Arah Kesejahteraan Kewangan Institusi Keluarga di Malaysia Semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(1), 282-297.
- Noor, N. S. M., Rahim, R. T. A., & Safiee, R. A., (2020). To Fish in Trouble Water: Ar-Rahnu during Covid-19 Pandemic. *International Journal of Muamalat*, 4(1), 1-9
- Nor, N. M., Abdullah, M., Ismail, N., Bakar, R., & Yusni, S. S. M. (2012). A Study on the Customer Awareness Toward Ar-Rahnu Scheme at Sungai Buloh, Selangor. Kertas kerja dibentangkan di *The AFBE 2012 Conference Paper (UNITEN)*.
- Othman, A., Hashim, N., & Abdullah, S. (2013). Perkembangan Ar-Rahnu di Terengganu: Kajian Kes Terhadap Ar-Rahnu Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). *Prosiding Persidangan Kebangsaan Eknomi Malaysia (PERKEM VIII)*, 2(2023), 951-959.
- Osman, N. H. S., Azmi, S. N. S., Hussin, N., Basiruddin, R., & Hashim, A. (2020). Persepsi Masyarakat Terhadap Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu). *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 17(1), 70-78.
- Rahman, N. N. A., & Kassim, S. (2017). Factor Influencing Acceptance of Ar-Rahnu: Comparison between Private and State Ar-Rahnu Providers in Terengganu. *Middle East J. Management*, 4(1), 39-64.
- Salamon, H., & Aziz, N. A. (2010). *Persepsi Staf Bank Terhadap Penglibatan Orang Bukan Islam Dalam Sistem Pajak Gadai Islam (ArRahnu)*. Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository. Diakses daripada http://eprints.utm.my/11441/1/Persepsi_Staf_Bank_Terhadap_Penglibatan_Orang_Bukan_Islam_Dalam_Sistem_Pajak_Gadai_Islam.pdf pada 3 April 2023.
- Sam, M. F. M., Tahir, M. N. H., & Latif, N. K. A. (2010). The Awareness and the acceptance of Islamic Pawnshop. *International Journal of Research and Reviews in Applied Sciences (IJRRAS)*, 2(2), 117-125.
- Shukor, S. A. & Sabri, H. (2013). Customer Satisfaction Towards Islamic Pawnbroking (Ar-Rahnu): Antecedents and Consequences. *Global Journal of Commerce and Management Perspective*, 2(6), 29-36.
- Yahaya, S. (2010). Strategi Pemasaran Skim Ar-Rahnu dan Hubungan dengan Pemilihan Pelanggan terhadap Ar-Rahnu YaPEIM. Disertasi Sarjana Sains Kemasyarakatan (Pengurusan Pembangunan Islam), Universiti Sains Malaysia.
- Yahaya, S., Noor, N. A. M., Muhammad, H., & Ismail, C. Z., (2022). Qard al Hasan: The Concepts of Helping in Ar-Rahnu Financing and its practice in MAIDAM. *E. Journal of Islamic Thought and Understanding*, 1(2022), 38-43.